



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN PERNIAGAAN
BERKENAAN DENGAN
ORANG KURANG UPAYA**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2019

TARIKH PENERBITAN: 8 OGOS 2019



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN PERNIAGAAN
BERKENAAN DENGAN
ORANG KURANG UPAYA**

**Ketetapan Umum No. 3/2019
Tarikh Penerbitan: 8 Ogos 2019**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN PERNIAGAAN
BERKENAAN DENGAN
ORANG KURANG UPAYA**

**Ketetapan Umum No. 3/2019
Tarikh Penerbitan: 8 Ogos 2019**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
6. Potongan Perbelanjaan Perniagaan berkenaan dengan Orang Kurang Upaya	3
7. Prosedur Tuntutan	9
8. Penafian	9

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi perbelanjaan perniagaan yang dilakukan oleh seseorang untuk –

- (i) menggaji orang kurang upaya sebagai pekerja; dan
- (ii) menyediakan latihan kepada orang kurang upaya yang bukan pekerja untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 18 dan perenggan 34(6)(e) ACP.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) seperti berikut –
 - (a) KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang HilangUpaya) 1982 [P.U. (A) 73/1982].
 - (b) KKCP (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [P.U. (A) 61/1992].
 - (c) KKCP (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1995 [P.U. (A) 111/1995].
 - (d) KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang HilangUpaya) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 204/2019].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
 - (a) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan wujud, tuan;
 - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.

-
- 3.2 “Orang kurang upaya” bermaksud mana-mana individu yang telah –
- (a) disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang kurang upaya; atau
 - (b) diperakukan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai orang kurang upaya yang mampu bekerja mengikut kemampuannya.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Pengenalan

- 4.1 Mengikut ‘Akta Orang Kurang Upaya 2008’, “orang kurang upaya termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.
- 4.2 Secara ringkasnya, orang kurang upaya adalah seseorang yang tidak dapat menguruskan kehidupannya dengan sempurna akibat daripada masalah mental atau fizikal. Ini bererti orang kurang upaya tidak boleh menjalankan pekerjaan seperti seorang yang normal.
- 4.3 Potongan perbelanjaan untuk orang kurang upaya ini adalah salah satu dasar Kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang dan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya dalam semua sektor pekerjaan sama ada awam mahupun swasta.

5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

- 5.1 Dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada perniagaan, potongan dibenarkan terhadap pendapatan kasar bagi perbelanjaan perniagaan yang dilakukan oleh seseorang untuk–
- (i) membantu orang kurang upaya dengan menggaji mereka sebagai pekerja; atau

- (ii) melatih orang kurang upaya yang bukan pekerjaannya dalam program latihan yang bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk orang kurang upaya.

5.2 Potongan perbelanjaan untuk orang kurang upaya diperuntukkan di bawah perenggan 34(6)(e) ACP dan dalam KKCP seperti dinyatakan di perenggan 2.3 dalam KU ini.

5.3 Perbelanjaan akan dibenarkan jika orang kurang upaya tersebut –

- (a) berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kad orang kurang upaya (Kad OKU) diperolehi seperti yang dimaksudkan di perenggan 3.2(a) dalam KU ini.
- (b) memperolehi suatu perakuan daripada PERKESO yang berdasarkan kepada keputusan Jemaah Doktor seperti yang dimaksudkan di perenggan 3.2(b) dalam KU ini.

Nota: Jemaah Doktor terdiri daripada doktor Kerajaan.

6. Potongan Perbelanjaan Perniagaan berkenaan dengan Orang Kurang Upaya

6.1 Potongan tambahan untuk penggajian orang kurang upaya

Menurut KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang Hilangupaya) 1982 [P.U. (A) 73/1982] dan KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang HilangUpaya) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 204/2019] -

6.1.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran (TT) 1982, dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan seseorang, suatu potongan boleh dibenarkan bagi saraan daripada jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 (1) ACP yang kena dibayar oleh seseorang kepada setiap pekerja yang hilang upaya fizikal atau mental (orang kurang upaya) seperti yang dimaksudkan di perenggan 5.3(a) dalam KU ini.

6.1.2 Walau bagaimanapun, mulai TT 2019 potongan diperluaskan kepada pekerja yang hilangupaya fizikal atau mental disebabkan oleh suatu kemalangan atau penyakit kritikal seperti yang dimaksudkan di perenggan 5.3(b) dalam KU ini.

-
- 6.1.3 Potongan saraan yang dibenarkan yang dinyatakan dalam perenggan 6.1.1 dan 6.1.2 adalah sebagai **tambahan** kepada **potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP**.
- 6.1.4 Saraan adalah bayaran kepada pekerja yang merupakan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP. Jika pekerja adalah orang kurang upaya maka di bawah KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang HilangUpaya) 1982 [P.U. (A) 73/1982] dan KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang HilangUpaya) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 204/2019], potongan tambahan dibenarkan.
- 6.1.5 Jenis saraan di perenggan 6.1.1, 6.1.2 dan 6.1.3 dalam KU ini adalah pendapatan kasar berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan yang termasuk apa-apa upah, gaji, bayaran kerja lebih masa, komisen, tip, elaun, bonus atau insentif, fi, perkuisit, skim opsyen saham pekerja (SOSP) dan cukai yang ditanggung oleh majikan.
- 6.1.6 Walau bagaimanapun, jenis saraan seperti yang disebut di perenggan 6.1.5 dalam KU ini adalah tidak termasuk manfaat berupa barangan di bawah perenggan 13(1)(b) dan nilai tempat kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP.
- 6.1.7 Untuk layak mendapat potongan tambahan bagi saraan ini, orang yang menuntut potongan mesti memastikan pekerja itu memenuhi syarat seperti dinyatakan di perenggan 5.3 dalam KU ini.

Contoh 1

Creative Craft Enterprise (CCE) telah menggaji 10 orang kurang upaya yang memiliki Kad OKU, untuk bekerja di bahagian pembuatan kraftangan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, gaji dan bonus dibayar kepada 10 pekerja orang kurang upaya berjumlah RM12,000.

Bayaran RM12,000 ini merupakan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP. Di bawah KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang Hilang Upaya) 1982 [P.U. (A) 73/1982], potongan tambahan sebanyak RM12,000 lagi dibenarkan dalam mengira pendapatan larian perniagaan CCE.

Contoh 2

Amanda telah mengalami kemalangan jalan raya dalam perjalanan ke tempat kerja. Akibat kemalangan ini, Amanda telah menjadi hilangupaya iaitu penglihatan yang kabur, tidak dapat bertutur dengan jelas dan kehilangan ginjal kanan. Suatu perakuan daripada PERKESO yang memperaku bahawa Amanda mampu bekerja mengikut kemampuannya telah diterima oleh majikannya, EXelectronics (M) Sdn Bhd (EXSB)

Amanda mula bekerja pada bulan Januari 2019 dan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019, upah dan komisen berjumlah RM6,000 dibayar kepada Amanda.

Bayaran RM6,000 ini merupakan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP. Di bawah KKCP (Potongan Bagi Penggajian Orang Hilang Upaya) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 204/2019], potongan tambahan sebanyak RM6,000 lagi dibenarkan dalam mengira pendapatan lapisan perniagaan EXSB.

6.2 Potongan dua kali untuk melatih orang kurang upaya yang bukannya pekerja

Menurut KKCP (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [P.U. (A) 61/1992] dan KKCP (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) (Pindaan) 1995 [P.U. (A) 111/1995] -

6.2.1 Berkuat kuasa mulai TT 1992, dalam menentukan pendapatan lapisan perniagaan sesebuah syarikat, suatu potongan dua kali dibenarkan atas amaun bagi apa-apa **perbelanjaan yang dilakukan** dalam melatih orang kurang upaya yang bukannya pekerja syarikat dalam suatu **program latihan** yang –

- (a) diluluskan oleh Menteri Kewangan dan diadakan di Malaysia; atau
- (b) dikendalikan oleh suatu institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Program latihan seperti tersebut di atas hendaklah bertujuan untuk meningkatkan prospek pekerjaan orang kurang upaya.

“Perbelanjaan yang dilakukan” bermaksud amaun yang dibayar oleh syarikat kepada institusi latihan berkenaan dengan program latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan.

- 6.2.2 Perbelanjaan untuk melatih orang kurang upaya ini bukan merupakan perbelanjaan di dalam menghasilkan pendapatan. Oleh itu ianya tidak layak mendapat potongan cukai di bawah seksyen 33(1) ACP.
- 6.2.3 Walau bagaimanapun, di bawah Kaedah-Kaedah ini, perbelanjaan untuk melatih orang kurang upaya ini layak mendapat **potongan dua kali** walaupun orang kurang upaya bukan pekerja syarikat. Orang kurang upaya yang bukan pekerja syarikat mestilah berdaftar dengan JKM seperti yang dinyatakan di perenggan 5.3(a) dalam KU ini sebelum syarat-syarat di perenggan 6.2.4 dipenuhi.
- 6.2.4 Untuk layak mendapat suatu potongan dua kali di bawah Kaedah-Kaedah ini, sesuatu syarikat hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut—
- (a) memperolehi suatu surat kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan yang meluluskan sesuatu program latihan yang diluluskan; dan
 - (b) memperolehi suatu surat daripada institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi memperakukan bahawa orang kurang upaya itu telah menyertai program latihan tersebut.

Contoh 3

DK Group Sdn Bhd (DKGSB) telah menaja satu program latihan yang dikendalikan oleh Kasih Training Centre (KTC) untuk melatih orang kurang upaya dalam suatu aktiviti membuat perabot, seni ukiran kayu dan sampul surat. Program latihan tersebut bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang sesuai mengikut keperluan mereka.

KTC adalah suatu institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan surat telah dikeluarkan kepada

DKGSB bagi memperakukan bahawa orang kurang upaya itu telah menyertai program latihan tersebut.

DKGSB layak mendapat potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk menaja program latihan tersebut walaupun orang kurang upaya bukan pekerja syarikat seperti yang dinyatakan di perenggan 6.2.1, 6.2.3 dan 6.2.4 (b) dalam KU ini.

- 6.2.5 Mulai 1.7.1993, syarikat yang menyumbang kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) tidak layak untuk potongan di bawah KKCP (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [P.U. (A) 61/1992]. KWPSM adalah tabung yang ditubuhkan bertujuan menggalakkan penyertaan langsung sektor swasta dalam pembangunan kemahiran. Syarikat dalam sektor tertentu dikehendaki membayar levi kepada KWPSM pada kadar yang telah ditetapkan. Syarikat yang telah membuat sumbangan levi layak mendapat geran latihan daripada KWPSM untuk membiayai perbelanjaan latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerjaannya.

6.3 Potongan sekali

Menurut perenggan 34(6)(e) ACP -

- 6.3.1 Berkuat kuasa dari TT 1992 dan tahun-tahun berikutnya, di bawah peruntukan khas ini, majikan dibenarkan menuntut potongan perbelanjaan modal yang dilakukan olehnya untuk pembelian peralatan yang diperlukan untuk membantu orang kurang upaya yang bekerja dengannya.
- 6.3.2 Mulai TT 2008, perbelanjaan modal diperluaskan kepada perbelanjaan penambahbaikan dan pengubahsuaian premis perniagaan yang dilakukan oleh majikan untuk meningkatkan kemudahan dan keselesaan pekerja orang kurang upaya.
- 6.3.3 Kedua-dua jenis perbelanjaan modal yang dinyatakan di perenggan 6.3.1 dan 6.3.2 dalam KU ini adalah perbelanjaan modal yang tidak layak mendapat potongan cukai di bawah seksyen 33(1) ACP.
- 6.3.4 Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan khas iaitu perenggan 34(6)(e) ACP, kedua-dua jenis perbelanjaan modal tersebut layak mendapat **potongan sekali**.

- 6.3.5 Untuk layak mendapat potongan sekali ini, majikan yang menuntut mestilah menyimpan bukti-bukti berikut :
- (a) orang kurang upaya tersebut berdaftar dengan JKM dan Kad OKU diperolehi seperti yang dimaksudkan di perenggan 3.2 dan 5.3 dalam KU ini;
 - (b) resit asal pembelian peralatan; dan
 - (c) dokumen sokongan perbelanjaan penambahbaikan dan pengubahsuaian premis perniagaan
- 6.3.6 Oleh itu, apa-apa perbelanjaan yang layak diberi potongan di bawah perenggan 34(6)(e) ACP, tidak layak mendapat apa-apa potongan atau elaun modal di bawah seksyen 33 atau Jadual 3 ACP masing-masing seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 34(8) ACP.

Contoh 4

Saudia Sdn Bhd (SSB) telah membeli sebuah kerusi roda berharga RM6,500 bagi memudahkan seorang pekerja yang lumpuh di bawah pinggang untuk berurusan di pejabat. Kad OKU daripada JKM yang mengesahkan pekerja adalah orang kurang upaya dan resit asal pembelian kerusi roda telah disimpan untuk tujuan audit.

Syarikat layak diberi potongan sekali sebanyak RM6,500 dan tiada tuntutan elaun modal harus dibenarkan di bawah Jadual 3 ACP.

Contoh 5

Jaco Sdn Bhd (JSB) mempunyai 10 pekerja orang kurang upaya yang mempunyai masalah pendengaran dan masalah fizikal. Seramai 4 pekerja orang kurang upaya memiliki Kad OKU manakala 6 pekerja orang kurang upaya lagi memperolehi suatu perakuan daripada PERKESO.

Bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan pekerja kurang upaya yang bekerja di kilang, JSB telah melakukan perbelanjaan pengubahsuaian seperti berikut:

	Pengubahsuaian	RM
(a)	Laluan untuk akses ke kantin dan ke bilik rehat	20,000
(b)	Merendahkan ketinggian tempat kerja di kawasan kilang tempat pekerja orang kurang upaya	10,000
(c)	Menyediakan landasan kerusi roda di kawasan kilang tempat pekerja orang kurang upaya	15,000
	Jumlah perbelanjaan modal	45,000

Perbelanjaan modal yang berjumlah RM45,000 yang dibelanjakan oleh JSB ke atas pengubahsuaian layak mendapat potongan sekali. Oleh itu, JSB tidak layak menuntut apa-apa potongan atau elaun bangunan industri masing-masing di bawah seksyen 33 atau Jadual 3 ACP.

7. Prosedur Tuntutan

- 7.1 Tuntutan perbelanjaan perniagaan untuk orang kurang upaya seperti yang dijelaskan dalam KU ini hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan.
- 7.2 Semua dokumen sokongan bagi perbelanjaan perniagaan untuk orang kurang upaya hendaklah disimpan oleh pihak yang menuntut bagi tujuan pengesahan apabila audit dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Dalam Negeri Malaysia.**